



MINDA PEMBACA

KOMENTAR

AGAMA

SASTERA

KOLUMNIS

LAIN-LAIN (RENCANA)

Terap aktiviti STEM seawal pendidikan di TADIKA

Ogos 21, 2021 @ 10:45am



Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) ini menyarankan masyarakat agar memberikan peluang kepada murid untuk belajar secara holistik. - Foto hiasan

PENDIDIKAN sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) menggabungkan empat disiplin dalam aktiviti pembelajaran, mula dipromosikan Kementerian Pendidikan (KPM), tetapi masih kurang mendapat sambutan.

Negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Jepun dan United Kingdom (UK) serta Singapura lebih serius melaksanakannya bermula pada tahap pendidikan awal.

Ia mungkin sukar dilaksanakan di negara ini lebih-lebih lagi kita masih berdepan cabaran pandemik COVID-19, tetapi terdapat pelbagai kaedah sesuai dapat digunakan guru.

Pertama, guru perlu merancang aktiviti bersesuaian dengan peringkat umur murid. Contohnya pada peringkat taman didikan kanak-kanak (TADIKA), aktiviti STEM ringan dapat dilaksanakan seperti membuat eksperimen objek tenggelam timbul dengan mendapatkan kerjasama ibu

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 3m  [Mayat mangsa kelima kepala air ditemui sempurna, bersih](#)
- 8m  [Sekurang-kurang 16 maut banjir di Tennessee](#)
- 26m  [Sejam di pejabat sebelum lawat kawasan banjir di Kedah](#)
- 28m  [Vinicius selamatkan mata buat Real](#)
- 48m  [Mangsa kepala air terima faedah PERKESO](#)
- 58m  [Mangsa banjir di Perak meningkat](#)
- 1h  [Ismail Sabri mula tugas secara rasmi sebagai Perdana Menteri](#)
- 1h  ['Jangan jadikan bola sepak seperti ragbi'](#)

bapa untuk menyediakan bahan terlebih dulu.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Samsung, Mazlan bekerjasama sedia pendidikan berkualiti**
- **Perbaiki pelaksanaan PdPR 2.0 atasi isu keciciran pelajar**
- **Pembukaan sekolah gambaran penting institusi pendidikan**
- **LINUS mampu letakkan bidang pendidikan Malaysia ke tahap terbaik**

Ini akan menggalakkan kanak-kanak membuat aktiviti dengan bebas hingga hasil dipelajari lebih bermakna, sekali gus merangsang perkembangan kognitif untuk belajar secara amali.

Kedua, guru boleh meminta pandangan daripada murid mengenai topik aktiviti atau eksperimen ingin dilakukan. Jika ada mencadangkan untuk membuat kereta umpamanya, guru perlu lebih kreatif membuat persiapan.

Guru boleh mencadangkan bahan perlu disediakan ibu bapa untuk memastikan mereka dapat membuat sebuah kereta seperti penggunaan bahan kitar semula yang tidak akan membebankan mereka.

Ketiga, guru menggunakan teknik pengajaran simulasi, iaitu mempersembahkan terlebih dahulu aktiviti STEM dilaksanakan seterusnya meminta murid untuk melakukan aktiviti berkenaan dengan ibu bapa di rumah.

Contohnya, guru boleh membuat penjelasan melalui video mengenai cara membuat taman bunga mini yang boleh disiarkan melalui pelbagai platform.

Hasil pembelajaran murid dipersembahkan melalui video atau gambar, sekali gus menjadi rujukan kepada guru untuk meningkatkan pengajaran aktiviti STEM.

Keempat, guru boleh membabitkan ibu bapa dalam aktiviti STEM. Contohnya, pertandingan reka dianjurkan dengan ibu bapa berperanan sebagai pembantu anak dalam menjayakan aktiviti berkenaan.

Ia bukan sahaja memberi peluang kepada kanak-kanak mengisi masa lapang dengan ibu bapa, bahkan memberi gambaran kepada ibu bapa bahawa pembelajaran bukan sahaja terhad kepada membaca, menulis dan mengira (3M).

VAKSIN



ASEAN Ogs 21, 2021 @ 11:08am

China serah lagi vaksin Sinovac kepada Filipina




ASIA Ogs 21, 2021 @ 7:26am

India lulus guna vaksin buatan tempatan



NASIONAL Ogs 20, 2021 @ 10:35am

Malaysia terima vaksin satu dos CanSino



NASIONAL Ogs 20, 2021 @ 10:06am

Johor sasar 100 peratus lengkap divaksin Oktober ini



ASEAN Ogs 19, 2021 @ 1:32pm

Realitinya, Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) ini menyarankan masyarakat agar memberikan peluang kepada murid untuk belajar secara holistik. Perkembangan tidak boleh dinilai dengan gred peperiksaan semata-mata, sebaliknya juga berdasarkan pembabitan aktif dalam aktiviti STEM.

Ia bukan sahaja menggalakkan kanak-kanak berfikir lebih jauh, bahkan mendorong mereka melakar kejayaan dalam pelbagai projek. Kreativiti kanak-kanak dapat dilihat melalui hasil ciptaan yang penting kepada kemajuan negara pada masa depan.

Nur Azam Ghazali, Felo Perdana 2020 Kementerian Pendidikan

Pembaca yang ingin berkongsi pandangan dan membuat aduan boleh e-mel ke bhforum@bh.com.my.

Disyorkan untuk anda

Recommended by

Ismail Sabri
named Malaysia
PM, putting...
Nikkei Asia

Obama's Mansion
Amazes Everyone
Mansion Global

How Much Do
Dental Implants in
Malaysia Cost?...
Dental Implants | Searc...

Here Is What Full
Mouth Dental
Implants Should...
Dental Implants | Searc...

Shah Alam:
Liquidation Of
Unsold 2020...
SUV Deals | Search Ads

Can UMNO and
Barisan Nasional
return to...
CNA - Insight
[Watch More](#)

Sekiranya anda
mengalami sakit
di pinggul dan...
asiastory.news
[Shop Now](#)

Discover Luxury
Retirement
Homes Near Sh...
Senior Living | Search ...



Vaksin Indonesia sedia diuji secara klinikal ke atas manusia

EROPAH Ogs 19, 2021 @ 12:41pm



Keberkesanan vaksin terhadap Delta semakin hilang - Kajian

TRENDING



KORPORAT 2 jam yang lepas
Serba Dinamik saman KLSE Screener



SELEBRITI 10 jam yang lepas
Ibu Syamel meninggal dunia



NASIONAL 11 jam yang lepas
Tengku Zafrul ingin luang masa bersama keluarga



SELEBRITI 12 jam yang lepas
Syamel berdebar bunyi deringan telefon



NASIONAL Ogs 22, 2021 @ 4:01pm
Mangsa terselamat tragedi kepala air kongsi pengalaman

MYRESIPI



INFOMASI Ogs 20, 2021 @ 2:45pm
Resipi Tteokbokki Macam Dalam K-Drama, Rasa Pedas Manis Yang Sedap!



RESIPI Ogs 20, 2021 @ 12:14pm
Hanya Guna Kulit Paratha Segera, Mudahnya Nak Buat Portuguese Egg Tart!



RESIPI Ogs 20, 2021 @ 10:39am
Resipi Sotong Rebus Serai Paling Mudah & Sedap, Sekejap Je Dah Siap Buat!



TIPS & PETUA Ogs 19, 2021 @ 2:59pm
Petua Supaya Nasi Lambat Basi, Hanya Letak Satu 'Bahan' Ini Semasa Ditanak



INFOMASI Ogs 19, 2021 @ 12:48pm
Jarang Dibuat Orang, Ini Dia Resipi 'Creamy Butter Tuscan Salmon' Yang Lazat

OHBULAN



KINI TRENDING 3 jam yang lepas
Selepas Hampir Sebulan 'Ditidurkan', Ibu Syamel Meninggal Dunia



ISU & KONTROVERSI
Ogs 22, 2021 @ 3:06pm
Mengaku Terlalu Emosi ‘Rindu’ Nak Main Bola, Syafiq Ahmad Mohon Maaf



KINI TRENDING Ogs 22, 2021 @ 1:08pm
Pemain JDT Tweet ‘Teringin’ Nak Main Bola, Ini Teguran TMJ – ‘Siapa Kerja...



LUNA MAYA Ogs 22, 2021 @ 12:16pm
Foto ‘Closed Friends’ Luna Maya Tersebar, Tarikh 26 Ogos Jadi Tanda Tanya...



KINI TRENDING Ogs 21, 2021 @ 8:36pm
Elisya Sandha, Anak Sheila Rusly Selamat Dijjabkabal.. Hantaran RM22,222.22!

SIRAPLIMAU



MERDEKA NORMA BAHARU
Ogs 21, 2021 @ 9:16pm
Suntik Semangat Patriotik, Ini 7 Aktiviti Sempena Hari Merdeka Untuk Anak




TIPS PILIH IKAN PARI
Ogs 21, 2021 @ 11:11am
Kenapa Ikan Pari Bau Hancing? Ini Tips Penting Supaya Tak Salah Pilih



RAKYAT Ogs 20, 2021 @ 6:58pm
Lahirkan Bayi Kembar Tiga, Ibu Reda Hanya Dua Sahaja Dapat Diselamatkan..



DAPUR Ogs 20, 2021 @ 1:47pm
Ini Resepi Pani Puri ‘Street Food’ India Macam Dalam Filem Bollywood!



DIY & KRAF Ogs 20, 2021 @ 11:35am
Rumah Sempit Tak Ada Ruang Sidai Baju? Tak Payah Pening, Guna Cara Ni!



IKUTI KAMI DI:



BERITA
BHPLUS
Nasional

SUKAN
DUNIA
HIBURAN

MULTIMEDIA
Foto
BHTV

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds

